

Mahasiswa perlu bantu diri berfikir di luar lingkungan



HUSAIN

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
aileenkucheen@yahoo.com

KOTAKINABALU: Tugas untuk melahirkan golongan mahasiswa berminda proaktif dan terbuka bukan tanggungjawab pihak universiti sahaja namun golongan mahasiswa sendiri perlu bekerjasama antara satu sama lain untuk mempertingkatkan potensi diri.

Justeru, penganjuran program Ceramah Integriti 'Aspirasi 2010' oleh Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) kelmarin mampu menjadi medium untuk merealisasikan matlamat itu.

Pengarah program, Husain Abd Latif berkata penganjuran program dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Sabah (SPRM) dan Jabatan Belia dan Sukan (P) Sabah itu bertujuan melahirkan mahasiswa yang lebih berinisiatif dan mampu berfikir di luar lingkungan.

Katanya, ini penting untuk melatih mereka melihat sesuatu dari pelbagai sudut dan mempunyai kemahiran berfikir yang lebih menyeluruh.

"Kita juga ingin melihat mentaliti dan penerimaan golongan mahasiswa terhadap penganjuran aktiviti berunsur akademik seperti ini. Hasilnya, kita berpuashati dengan penyertaan mereka yang ternyata amat positif dan melebihi sasaran yang dijangkakan."

"Hasilnya, kita berpuashati dengan penyertaan mereka yang ternyata amat positif dan melebihi sasaran yang dijangkakan," katanya kepada *Utusan Borneo* ketika ditemui di UMS, kelmarin.

Jelas Husain, pada asalnya mereka hanya mendasarkan kehadiran kira-kira 30 pelajar namun peserta yang datang adalah hampir 100 orang.

"Ini merupakan satu perkembangan yang amat baik dan menunjukkan mereka mempunyai komitmen untuk mengubah sudut pemikiran diri dan bersedia menjadi mahasiswa yang berminda lebih luas," jelasnya.

Katanya, program seperti ini mampu melatih golongan mahasiswa supaya menghadiri majlis-majlis keilmuan yang dapat

"Kita juga ingin melihat mentaliti dan penerimaan golongan mahasiswa terhadap penganjuran aktiviti berunsur akademik seperti ini. Hasilnya, kita berpuashati dengan penyertaan mereka yang ternyata amat positif dan melebihi sasaran yang dijangkakan."

HUSAIN ABD LATIF

Pengarah Program Ceramah Integriti 'Aspirasi 2010'



CENDERAKENANGAN... Presiden SPRUMS, Mohd Kamal Shah menyampaikan cenderakenangan kepada Suryani (tengah) sambil disaksikan Husain (kanan).

menyeimbangkan sikap dan sifat seseorang mahasiswa sebagai generasi pemimpin masa depan.

Dia yang juga Exco Rakan Muda UMS berkata, berdasarkan tema program ini sendiri, ia memberi penekanan kepada penjelasan konsep integriti dan penerapan nilai-nilai murni di kalangan mahasiswa yang bakal melangkah ke alam pekerjaan.

Selain itu, katanya, program ini dapat mengeratkan hubungan antara SPRM dan UMS dalam menyedarkan masyarakat tentang rasuah dan perkara yang berkaitan dengan amalan itu.

Jelasnya, SPRUMS diwujudkan pada Jun 2007 dan berfungsi menjadi orang tengah antara SPRM negeri dan warga universiti itu.

"Selain itu, pelaksanaan program oleh SPRUMS adalah untuk menyahut seruan pengurusan universiti yang mahukan SPR memasyarakatkan mahasiswa di universiti ini," katanya.

Ditanya mengenai kunci kejayaan penganjuran sesuatu program, Husain berkata, kerjasama yang baik antara

ahli dalam organisasi adalah amat penting.

"Kita harus bekerja sebagai satu keluarga dan saling tegur-menegur agar sentiasa berada pada landasan yang betul," katanya.

Sementara itu, Pegawai Unit Pendidikan Masyarakat (Penmas) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suryani Ali berkata, program seperti itu mampu membuka minda generasi



PENDAPAT... Suryani (kanan) bertanyakan pendapat salah seorang pelajar.



DENGAR... Sebahagian peserta pada acara berkenaan.

muda tentang SPRM.

"Program ini dapat memperjelas tentang visi dan misi SPRM selain menjelaskan fungsi sebenar agensi ini dalam pengendalian sesuatu kes dan aduan," katanya yang bertindak sebagai penceramah pada program berkenaan.

Dalam program selama hampir dua jam itu, peserta telah didedahkan kepada visi, misi, fungsi dan ciri integriti serta nilai-nilai murni dalam pekerjaan.



JELAS... Seorang peserta khusyuk membaca risalah yang mengenai SPRM.



DIALOG... Suryani mendengar soalan daripada salah seorang peserta.